



31 Disember 2015
31 December 2015
P.U. (A) 323

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA WARGANEGARA
REPUBLIK SERBIA) (PENGECCUALIAN) 2015

*PASSPORTS (VISA TO THE CITIZEN OF THE REPUBLIC
OF SERBIA) (EXEMPTION) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASPORT 1966

PERINTAH PASPORT (VISA KEPADA WARGANEGARA REPUBLIK SERBIA)
(PENGECUALIAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Pasport 1966 [*Akta 150*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasport (Visa kepada Warganegara Republik Serbia) (Pengecualian) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, “dokumen perjalanan yang sah” ertinya Pasport Diplomatik, Rasmi atau Biasa yang dikeluarkan kepada warganegara Republik Serbia.

Pengecualian

3. Menteri mengecualikan semua warganegara Republik Serbia yang mempunyai dokumen perjalanan yang sah daripada keperluan visa yang dikehendaki di bawah subseksyen 2(1) Akta tertakluk kepada syarat yang berikut:

(a) tempoh Pas Lawatan Sosial yang diberikan kepada warganegara Republik Serbia hanya terhad kepada tiga puluh hari bagi setiap kemasukan tanpa apa-apa pelanjutan tempoh;

(b) warganegara Republik Serbia tidak dibenarkan memohon apa-apa pas lain yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 [*L.N 228/1963*]; dan

- (c) warganegara Republik Serbia hendaklah masuk dan keluar dari Malaysia hanya melalui pintu masuk yang dibenarkan sebagaimana yang diwartakan di bawah subseksyen 5(1) Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*].

Dibuat 23 Disember 2015
[KDN(S):100/938/1-7; PN(PU2)482]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Menteri Dalam Negeri

PASSPORTS ACT 1966

PASSPORTS (VISA TO THE CITIZEN OF THE REPUBLIC OF SERBIA)
(EXEMPTION) ORDER 2015

IN exercise of the powers conferred by section 4 of the Passports Act 1966 [*Act 150*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Passports (Visa to the Citizen of the Republic of Serbia) (Exemption) Order 2015**.

(2) This Order comes into operation from 1 January 2016 to 31 December 2016.

Interpretation

2. In this Order, “valid travel document” means a Diplomatic, Official or Ordinary Passport issued to the citizen of the Republic of Serbia.

Exemption

3. The Minister exempts all citizens of the Republic of Serbia with a valid travel document from the requirement of visa required under subsection 2(1) of the Act subject to the following conditions:

(a) the period of Social Visit Pass granted to the citizen of the Republic of Serbia shall only be limited to thirty days for each entry without any extension of period;

(b) the citizen of the Republic of Serbia shall not be allowed to apply for any other passes issued under the Immigration Regulations 1963 [*L.N 228/1963*]; and

(c) the citizen of the Republic of Serbia shall enter and exit from Malaysia only through the authorized points of entry as gazetted under subsection 5(1) of the Immigration Act 1959/63 [*Act 155*].

Made 23 December 2015
[KDN(S):100/938/1-7; PN(PU2)482]

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Minister of Home Affairs